
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2006/2007

Oktober/November 2006

HKN 208 - PUISI MELAYU DAN INDONESIA MODEN

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi SEPULUH muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja. SATU soalan WAJIB dijawab daripada SETIAP BAHAGIAN. Manakala SOALAN KEEMPAT boleh dipilih daripada BAHAGIAN B ataupun BAHAGIAN C.

Peringatan:

Contoh yang telah digunakan dalam satu jawapan, tidak dibenarkan diulang dalam jawapan yang lain.

Bahagian A

1. Menurut Samuel Taylor Coleridge, "puisi itu adalah kata-kata yang terindah dalam susunan terindah". Bincangkan kebenaran pandangan ini dengan mengemukakan contoh-contoh daripada puisi penyair Malaysia dan Indonesia dalam **Lampiran 1**.
2. "... bahawa dunia dan makna harus dipadatkan di dalam sebuah cakrawala kecil kata-kata. Yang dipadatkan itu ialah hasil seni yang memungkinkan pengalaman dunia yang besar, yang mengambil jangka waktu yang panjang, pergerakan fikiran yang lambat atau berlarutan, yang akhirnya disimpulkan hanya dalam beberapa citra, baris dan perkataan."

(Muhammad Haji Salleh, 1999)

Huraikan pernyataan di atas dengan merujuk kepada puisi pengarang Malaysia dan Indonesia dalam **Lampiran 1**.

Bahagian B: PUISI MODEN MALAYSIA

3. Dunia setinggan bukan sahaja mempengaruhi penghasilan karya cereka A. Samad Said, tetapi juga puisinya. Merujuk kepada puisi "Janda Setinggan" dalam **Lampiran 2**, bincangkan pernyataan tersebut.
4. Siti Zainon Ismail, Zurinah Hassan dan Siti Zaleha Mohd. Hashim adalah antara penyair wanita yang berbakat besar di Malaysia. Dengan memilih **dua** orang daripada mereka, bandingkan persoalan-persoalan yang sering menjadi fokus dalam penghasilan puisi mereka.
5. Merujuk kepada puisi "Serigala" dalam **Lampiran 3**, huraikan perkaitan larik dan warna di dalam puisi ini dengan daya kreatif A. Latiff Mohidin sebagai pelukis.

Bahagian C: PUISI MODEN INDONESIA

6. Dengan mengemukakan contoh-contoh yang relevan, perlihatkan bagaimanakah W.S. Rendra menggunakan bahasa retorik dan bahasa kiasan untuk melukiskan perasaannya dan melahirkan kesan rasa puitis terhadap khalayak?
7. Dorothea Rosa Herliany adalah antara penyair wanita mutakhir Indonesia yang mempunyai minat dan daya peka yang kuat terhadap persoalan semasa. Dengan menggunakan puisi "Memo: Rumah-Rumah Batu" dalam **Lampiran 4**, bincangkan bagaimana gaya bahasanya memperkuatkan fenomena sosial di Indonesia yang ditonjolkannya.
8. Mustofa Bisri tampil sebagai penyair dari kalangan ulama Indonesia yang cukup pedas kritikannya terhadap kebobrokan hidup manusia masa kini. Dengan menggunakan puisi "Bedah Plastik" dalam **Lampiran 5**,uraikan secara rinci tentang imej-imej yang digunakan, juga realiti sosial yang diungkapkan di dalam puisi ini.

Lampiran 1

“Malam”
(Muhammad Haji Salleh)

Di luar malam menakung dakwat
Canda alam mengawas kandung
Hingga pagi membocorkannya
Lewat sepi mergastua bercicip,
Membalut belukar dengan bintik bunyi
Atau menanda diri di tengah sunyi.

Ada beberapa bintang jauh
Menebuk kain hitam langit
Dan membersitkan kita keluar
Dari malam
Untuk nikmat cahaya.

Dan malam berlalu
Dengan longsor licinnya
Hingga tiba pada debu pagi –
Rahsia surut di kesedaran.

“Di Mesjid”
(Chairil Anwar)

Kuseru saja Dia
Sehingga datang juga
Kami pun bermuka-muka.

Seterusnya ia bernyala-nyala dalam dada.
Segala daya memadamkannya

Bersimbah peluh diri yang tak bisa diperkuda

Ini ruang
Gelanggang kami berperang

Binasa-membinas
Satu menista lain gila.

Lampiran 2

“Janda Setinggan”
(A. Samad Said)

Hari lahirnya Jumaat lalu
lipan menyengat telunjuk kirinya.
Dan dalam matanya yang letih berpusar
asap dan debu. Dunianya amat sedu.
Sese kali angin berang merentap baju
di tengkuknya terserlah pulau panau.
Derita kembali menderu.
Katanya: Derita itu aku.

Dirinya cemas diterjah usia
dalam kabus belasungkawa –
dia tergigau hampir seminggu
diancam lipan, angin dan debu yang sama.
Desa bahagia, derita.
Katanya: Derita itu aku.

Antara jamban dan dapur
di sisi parit tohor
hari mukanya sabut, tin dan lumpur.
Kalut mega direnunggi; kenyit
kilat tak berbunyi. Memang telinga
kirinya kini tuli.

Terjulur pegaga segar dan
ketip ketam cergas mencakar
dalam bakul kenangannya:
sanggul-molek-punggung-cantik
ulam kehidupan zaman penjajah
terlucut colinya suatu pagi
dia dicantasi janji lelaki –
dirinya bukan perawan lagi.

Cinta dan sejarah
mencakar langsir dan mencekau pintunya
menyembur bara mantera
“Aku teringat pandang pertama.”¹
Untuk apa? Hingga bila?

Dihantar rayu-resah Sanisah Huri
diterimanya lesu-lara dendang R. Azmi
simfoninya rimba duri
disergah arus mimpi.
Dia yakin di situ
segala tersumpah sebagai batu;
menjadi lebih pasti, sesekali
disentap semboyan kereta api.

Dalam dakapan cubit tak sakit
dia tertipu empat kali
dia setinggan janda berganda
tercemar di belakang kereta.

Tapi, mimpi akhirnya pangsapuri
taman-mini-kolam-mandi
geli hatinya sepagi, kerana
dirinya bas mini
mendesah ke Dayabumi
bersaing rezeki. Dan
sejak anak tunggalnya mati
hikayatnya gunung ngeri,
kehidupannya puisi elegi.

Lalu, di larik bibir
gincu tak seri;
di bawah kenanga
bau tak wangi;
di sisi lampu
bayang tak jadi.
Dia diejek usia, diserapah cinta
empat kali dia terbelah.

...Lampiran/-
...7/-

¹ Larik lirik “Hitam Manis”, nyanyian R. Azmi.

Disedari dirinya janda
dijerat rindu –
perahu sepi diagah sunyi
antara Bidong dan Langkawi.
Dia belajar bahagia
di sisi lilin dan kucing yang lara.

Jumaat lalu, di tengah gempa Armenia,
dirai hari lahirnya –
bertunda rekod R. Azmi, kaset Sanisah Huri,
berlumba kenangan meracuninya.
Dia terbiasa –
dalam cahaya malamnya siang,
dalam gelita siangnya malam.

Dan kini semakin
payah dikenalnya bila
jantan insan-hewani, bila
pula hewani-insani.
Lelaki tak dipercaya lagi.

Sejak itu bergilir tetangga
mengadapnya – sedu dalam ayat syahdu
Dan ketika racaunya sampai ke puncak

Tujuh kali dia tersentak.
Darah, najis dan muntah saling mengasak.
Dalam biliknya berdinding akhbar,
tingkap berkiut, lantai berlumut
dia mengucap semput.
Tercungap. Tersentap. Terhenti.
Matinya di sisi sisa nasi,
Rehal retak, subang pengantin, foto anak.

Tak mungkin jantan menipunya lagi!

Lampiran 3

“Serigala”
(A. Latiff Mohidin)

kuterima sepucuk surat
tanpa alamat
kuterima sepucuk surat
tanpa kata

dari dadanya
melompat
seekor serigala
darah mengalir di kakinya
perut terbuka
mata buta

sekian lama
disiksa
di bawah kata
di bawah tinta

Lampiran 4

“Memo: Rumah-Rumah Batu”
(Dorothea Rosa Herliany)

beratustahun lagi, mungkin rumahku akan tetap sebuah batu, lantailantai lumpur membenamkan kakikakikami yang telanang dan sakit. mulutmulutkami diganjal mejamejatulis yang mengatur tangantangan diborgol.

pikiran dibuka buat ladangbunga: keindahan sebagai bianglala!

sungai diseberangkan lewat pintupintu matahari digantungkan pada atapatap: kepongahan tak akan lumer. dengan lumpur sebagai lantai yang disimpannya.
orangorang pintar mencatat hurufhuruf dalam batinkita.
orangorang pintar mencatat syairsyair sakit dalam otakkita
orangorang pintar mengetiknya pada melembung angin, menempelnya pada perutkenyang mereka.

rumahku: akan tetap sebuahbatu.

Lampiran 5

“Bedah Plastik”
(Mustofa Bisri)

Beberapa orang yang mengaku
Tim dokter bedah plastik menyerapkpu
Mereka menjanjikan wajah baru
Yang lebih cantik untukku
Entah mengapa pasrah saja aku

Mula-mula diikatnya tangan dan kakiku
Lalu aku tak sadar lagi apa yang berlaku
Tahu-tahu begitu siuman kuraba mukaku
Ternyata mata, hidung, mulut dan telingaku
Sudah berubah tempatnya tak seperti dulu
Ajaib, kini di tempatnya yang baru
Mataku hanya melihat yang indah-indah selalu
Sebaliknya hidungku hanya bisa mencium yang berbau
Telingaku hanya mendengar yang merdu-merdu
Tapi mulutku hanya bisa untuk makan melulu

(Bagaimana pun mereka menyuruhku
Aku tak berani mengaca atau malu
Melihat mukaku yang tak lagi mukaku).